

**Kedah Winnable State Jika Selesai Masalah Dalam - Muhyiddin
Bernama
14 Februari , 2012**

POKOK SENA, 14 Feb (Bernama) -- Kedah merupakan "winnable state" (negeri yang boleh dimenangi) Barisan Nasional (BN) jika pemimpin-pemimpin BN negeri terutama Umno mampu menyelesaikan masalah dalam, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata ketika ini rakyat semakin menyedari kelemahan kerajaan negeri yang ditadbir PAS, yang tidak berupaya meneruskan pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan BN sebelum ini.

Katanya ada perubahan pada sentimen dan sikap pengundi terhadap dasar-dasar kerajaan pusat di mana rakyat Kedah sedar BN mampu untuk membawa lebih banyak kemajuan dan pembangunan.

"Kami yakin boleh menang di Kedah tetapi bersyarat. Sebahagian besar pengundi kini beralih kepada BN tetapi kita tetap perlu kerja kuat. Kami tak boleh ambil mudah dan selesa. Kami (BN) mengambil pendirian tegas bahawa kami perlu bekerja dengan sangat keras," katanya kepada pemberita selepas Majlis Bersama Rakyat di Padang Awam Desa KEDA, Batu 13 di sini.

Katanya rakyat kini memahami mengenai PAS dan kegagalan PAS yang begitu nyata dan ramai peniaga terutama orang Cina mengatakan kerajaan negeri tidak pro-perniagaan.

Beliau berkata selain itu, kerjasama Umno dan parti komponen BN lain paling utama dan walaupun kesedaran untuk kerjasama itu bertambah baik tetapi masih belum memadai.

"Perlu ada komitmen dan usaha-usaha kerja lebih teratur antara BN dan Umno Kita juga perlukan dapatkan pengundi orang muda," katanya.

Hadir sama pada majlis itu adalah isteri Muhyiddin Puan Sri Noorainee Abdul Rahman

Muhyiddin dalam rangka lawatan sehari ke Kedah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645616>